

Capai matlamat kecemerlangan pendidikan unggul

# Sudah tiba masa UMS 'berlari'

UM 26.2.2014 26

Oleh SITI NOR AZIZAH TALATA  
utusansabah@utusan.com.my

**KOTA KINABALU** 25 Feb. - Sudah tiba masanya warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) 'berlari' mencorakkan idea menjadi realiti sejajar dengan peranannya selaku pusat kecemerlangan pendidikan unggul di negeri ini sejak 20 tahun lalu.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, warga universiti berkenaan kini seharusnya' lebih fokus mencapai matlamat melestarikan kejayaannya dengan memastikan segala perancangan membuaikan hasil.

"Daripada mengengsot kita merangkak, daripada berdiri kita berjalan dan tentunya dengan dokongan semua pihak kita harus lebih pantas, terus berlari menggapai kejayaan dalam mengangkat UMS ke persada dunia, insya-Allah," kata dia ketika menyampaikan amanat di Dewan Canselor UMS, di sini baru-baru ini.

Tambah Mohd. Harun, sebagaimana Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) yang digubal pada 2007, banyak perubahan berlaku dalam sektor pendidikan tinggi negara, antaranya setiap universiti menjalani Audit Pencapaian 'Aka-



MOHD. HARUN ABDULLAH (kiri) ketika lawatan ke gerai pameran selepas menyampaikan amanat di Dewan Canselor UMS, Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.

demik oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Katanya, penilaian yang dilakukan ke atas UMS setiap tahun mem-

buktikan bahawa universiti ini berjaya memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh kerajaan termasuk dengan pengenalan beberapa pelan

strategik 2013-2017 bagi memastikan UMS secara berterusan melakukannya penambahanbaikan.

Beliau berkata, sehingga kini

UMS berjaya melahirkan seramai 46,318 graduan dalam pelbagai bidang dengan purata kemasukan pelajar baharu kira-kira 4,000 orang setahun.

Jelasnya, statistik tahun lalu menunjukkan hampir 40 peratus pelajar UMS diambil bekerja dalam sektor kerajaan dan swasta, hanya beberapa bulan selepas memperolehi ijazah.

Justeru, Mohd. Harun menjelaskan bahawa tanggungjawab meletakkan UMS setaraf dengan universiti ulung dunia di peringkat antarabangsa perlu digalas bersama, bagi mengukuhkan kedudukannya.

"Bagi mencapai objektif ini, kami menjalankan kerjasama dalam pelbagai bidang seperti penyelidikan marin dengan Universiti Kebangsaan Singapura (NUS) dan Yayasan Pendidikan Alam Sekitar Sekolah Antarabangsa Korea dalam bidang pendidikan alam sekitar berkaitan kepelbagaiannya biotropika dan ekobudaya.

"Negara seperti China, Brunei dan Timor Leste juga berhasrat untuk mengeratkan jalinan kerjasama akademik dengan UMS pada tahun ini. Ini merupakan antara kerjasama penting awal tahun ini yang harus kita manfaatkan," ujarnya.